

PENCAPAIAN PELAJAR PENGURUSAN DALAM KURSUS 'BUSINESS MATHEMATICS': SATU PERBANDINGAN MENGIKUT PROGRAM PENGAJIAN

Noraznida Husin
Nur Syaheera Atan
Norziah Othman
noraznida@kuis.edu.my

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Abstrak

Seringkali subjek Matematik dianggap antara subjek yang sukar dan sangat membosankan sama ada di peringkat sekolah atau pengajian tinggi. Matematik Perniagaan merupakan subjek wajib bagi semua pelajar diploma yang mengkhusus kepada bidang pengurusan dalam kebanyakan institusi pengajian tinggi. Oleh itu, kajian ini dijalankan adalah untuk melihat perbezaan pencapaian pelajar diploma dalam subjek Business Mathematics mengikut program pengajian di Fakulti Pengurusan dan Muamalah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Subjek Business Mathematics merupakan subjek wajib fakulti di mana kesemua pelajar pengurusan perlu mengambilnya. Kajian ini melibatkan responden daripada lima semester yang lepas dan terdiri daripada empat program pengajian iaitu Diploma Perakaunan (MS31), Diploma Pengurusan Perniagaan (MS32), Diploma Perbankan Islam (MS33) dan Diploma Pengurusan Sumber Manusia (MS34). Analisis dokumen dijalankan terhadap keputusan peperiksaan akhir dengan mengelaskan kepada tiga kategori pencapaian iaitu cemerlang, sederhana dan lemah. Hasil kajian diperoleh daripada melihat peratus mengikut kategori pencapaian pelajar yang berbeza program. Didapati pelajar dari program Diploma Pengurusan Sumber Manusia (MS34) mempunyai peratus pencapaian lemah yang tinggi bagi lima semester yang lepas dan mencatatkan 56.6% secara puratanya. Berdasarkan dapatan kajian, sewajarnya kajian selanjutnya dijalankan dengan melihat kepada beberapa pendekatan atau strategi pengajaran dan pembelajaran yang lebih baik serta mengenalpasti faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam subjek matematik.

Kata kunci: *Matematik Perniagaan, Pencapaian, Program Pengajian, Minat, Teknik Pengajaran.*

1.0 PENGENALAN

Seringkali Matematik dianggap antara subjek yang paling sukar dan sangat membosankan oleh segelintir pelajar yang kurang berminat dengan matapelajaran tersebut. Matapelajaran Matematik merupakan matapelajaran wajib bagi setiap institusi bermula di peringkat sekolah sehingga ke peringkat pengajian tinggi. Matlamat Pendidikan untuk matapelajaran Matematik adalah untuk memperkembangkan pemikiran mantik, analitis, bersistem dan kritis, kemahiran penyelesaian masalah serta kebolehan menggunakan ilmu pengetahuan Matematik supaya individu dapat berfungsi dalam kehidupan seharian dengan berkesan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988). Matematik merupakan subjek yang wajib dipelajari di sekolah

dan menjadi pra syarat bagi hampir semua jurusan di institusi pengajian tinggi (Nik Azis, 2008).

Kursus *Business Mathematics* (MDPM2023) merupakan salah satu kursus yang perlu diambil dan dipelajari oleh pelajar Diploma Perakaunan (MS31), Diploma Pengurusan Perniagaan (MS32), Diploma Perbankan Islam (MS33) dan Diploma Pengurusan Sumber Manusia (MS34) di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) untuk melengkapkan pengkuliahan. Kursus ini merupakan subjek wajib fakulti bagi pelajar pengurusan yang melibatkan pengiraan. Matapelajaran ini menekankan konsep matematik asas yang diaplikasikan dalam bentuk perniagaan. Untuk mencapai matlamat ini, proses pengajaran dan pembelajaran Matematik perlu dipertingkatkan bermula di peringkat sekolah lagi dan seterusnya akan diaplikasikan sehingga ke peringkat pengajian tinggi.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Banyak isu yang membincangkan tentang pendidikan Matematik pada masa kini. Salah satu isu yang hangat dibincangkan adalah tentang kemerosotan pencapaian Matematik. Persoalannya, apakah punca keadaan ini berlaku? Antara punca kemerosotan ini adalah para pelajar menganggap Matematik adalah satu matapelajaran yang sukar dan membosankan. Pelajar juga tidak mempunyai kemahiran asas yang kukuh dalam Matematik semenjak di peringkat sekolah rendah. Rentetan itu, tidak mustahil jika kemerosotan pencapaian Matematik berlarutan sehingga ke peringkat tinggi.

Sebahagian besar pelajar menganggap subjek yang melibatkan pengiraan seperti Matematik tiada kepentingan dan keperluan dalam kehidupan seharian dan kerjaya mereka pada masa hadapan. Hal ini boleh menjejaskan minat pelajar terhadap subjek Matematik kerana mereka kurang faham tentang kepentingan Matematik dalam kehidupan harian, masyarakat dan negara.

Menurut Dr. Abdul Said Ambotang & Rosmidha Mista (2017), Matematik sering dianggap sebagai satu mata pelajaran yang susah dan sentiasa mendapat rungutan dan aduan dalam kalangan murid yang menganggap bahawa subjek Matematik sukar untuk dipelajari dan dikuasai terutama bagi murid yang berada di luar bandar.

Justeru itu, kajian ini dijalankan di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, KUIS yang menawarkan pelbagai program pengajian yang merentasi pelbagai disiplin ilmu termasuk pengajian Islam, pengajian perniagaan, perbankan Islam, pendidikan, komunikasi, dan teknologi maklumat. Hal yang demikian, tawaran program pengajian akan ditetapkan berdasarkan pencapaian akademik terdahulu iaitu Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Business Mathematics merupakan matapelajaran wajib fakulti bagi pelajar pengurusan di Fakulti Pengurusan dan Muamalah, KUIS. Kursus ini menekankan konsep matematik asas yang akan diaplikasikan dalam bentuk perniagaan. Tujuan kajian adalah untuk mengenalpasti peratus pencapaian pelajar dalam kursus Business Mathematics mengikut program pengajian bagi lima semester yang lepas. Pencapaian pelajar dikelaskan kepada tiga iaitu cemerlang, sederhana dan lemah. Peratus gagal untuk kursus ini adalah sangat tinggi jika dilihat daripada markah peperiksaan akhir semester. Kebanyakan pelajar tidak dapat menguasai sepenuhnya topik pembelajaran dan menyebabkan peratus gagal bagi Kursus ini amat tinggi bagi setiap semester. Markah kerja kursus didapati banyak membantu dan menyelamatkan pelajar daripada memperoleh status gagal. Oleh itu, analisis dokumen dijalankan untuk mengenalpasti program pengajian yang mencatatkan peratus kegagalan yang tinggi bagi lima semester yang lepas. Lima program pengajian yang terlibat iaitu Diploma Perakaunan (MS31), Diploma Pengurusan Perniagaan (MS32), Diploma Perbankan Islam (MS33) dan Diploma Pengurusan Sumber Insan (MS34). Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti peratus pencapaian

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Oleh itu, kajian ini menggariskan dua objektif iaitu:

- i. Mengenalpasti peratus pencapaian pelajar (cemerlang, sederhana dan lemah) dalam kursus *Business Mathematics* mengikut program pengajian bagi lima semester yang lepas.
- ii. Mengenalpasti program pengajian yang mempunyai peratus pencapaian lemah dalam kursus *Business Mathematics* bagi lima semester yang lepas.

Analisis dokumen dijalankan dengan melihat keputusan peperiksaan akhir untuk lima program pengajian bagi lima semester yang lepas untuk mencapai dua objektif di atas.

4.0 KAJIAN LITERATUR

Senario Pendidikan di Malaysia sering mengandaikan bahawa pelajar yang mempunyai prestasi akademik yang cemerlang di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) akan turut menunjukkan prestasi yang cemerlang apabila melangkah ke alam pengajian yang lebih tinggi iaitu alam universiti. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mewujudkan pelbagai aliran yang bertujuan untuk memberi pilihan kepada para pelajar untuk menentukan masa hadapan mereka seperti aliran Sains Tulen, aliran Kesusasteraan, aliran Teknik, aliran Vokasional, aliran ICT, aliran Prinsip Perakaunan, aliran Ekonomi Asas, aliran Perdagangan, aliran Pendidikan Seni Visual, aliran Katering dan aliran Landskap.

Terdapat tiga pilihan program pengajian di peringkat diploma iaitu kemahiran, pengajian tinggi dan vokasional & teknikal untuk pelajar lepasan SPM yang bercita-cita untuk menyambung pengajian di peringkat universiti. Pelajar yang mempunyai keputusan yang cemerlang akan lebih cenderung untuk menyambung pengajian di dalam bidang profesional di peringkat universiti. Manakala pelajar yang kurang cemerlang lebih cenderung untuk menyambung pengajian di dalam bidang sains sosial. Tidak dinafikan terdapat segelintir pelajar yang cemerlang dalam keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) juga cenderung menyambung pelajaran dalam bidang sains sosial atas pelbagai faktor.

Tahap pencapaian akademik setiap orang adalah berbeza. Menurut kajian Bridgeman et al., (2000), pencapaian akademik dalam kalangan pelajar ijazah sarjana muda di universiti menunjukkan terdapat beberapa faktor seperti keputusan akademik terdahulu boleh meramal pencapaian akademik pelajar. Secara tradisionalnya, keputusan akademik terdahulu merupakan salah satu faktor peramal terbaik ke atas pencapaian akademik pelajar di universiti atau masa hadapan (Ditchkoff et.al. 2003; Kim et.al. 2010). Bagaimanapun, menurut Garton et.al. (2002), penggunaan keputusan akademik terdahulu bukanlah peramal terbaik untuk pencapaian akademik dan pengekalan pelajar terutama pelajar bidang pertanian. Minat dan sikap merupakan aspek yang penting dalam menentukan pencapaian atau kejayaan seorang pelajar di dalam pelajaran. Pengaruh minat yang tinggi terhadap sesuatu subjek juga akan mempengaruhi tahap pencapaian dalam pelajaran. Dalam kajian Quek (2006) juga mendapati bahawa minat mempunyai pengaruh yang positif kepada pencapaian murid dalam mata pelajaran Matematik. Kebiasaannya pelajar akan melakukan sesuatu perkara yang disukainya sahaja tanpa memikirkan kesan pada masa akan datang.

Menurut Zulzana et.al. (2012), minat mempunyai kaitan dengan sikap, yang bermaksud seseorang akan bersikap positif terhadap sesuatu perkara sekiranya meminati perkara tersebut. Perkaitan antara minat dan sikap ini akan menghasilkan sesuatu yang bermakna dan berkesan terhadap sesuatu yang dilakukan. Menurut kajian yang dijalankan oleh Syaza, Sharini & Asmawati (2014), minat juga akan mendorong pelajar untuk berusaha bersungguh-sungguh kerana ia merupakan daya penggerak dan mempunyai pengaruh yang besar kepada seseorang terhadap sesuatu matapelajaran. Ini menunjukkan bahawa faktor minat sangat penting di dalam diri seorang pelajar kerana ia akan mempengaruhi pencapaian akademik pelajar itu.

Menurut Azura Hamdan et.al (2015) di dalam kajiannya menyatakan menjalani kehidupan sebagai seorang pelajar di university tidak selalunya berada di garisan yang positif sepanjang masa terutamanya kepada pelajar yang cemerlang di sekolah menengah. Ini menunjukkan bahawa faktor minat sangat mempengaruhi pencapaian pelajar di peringkat yang lebih tinggi. Salah satu sebab kemerosotan pencapaian pelajar adalah disebabkan oleh sikap pelajar sendiri.

Menurut kajian yang dilakukan oleh pensyarah Matematik, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Baharudin Omar, Kamarulzaman Kamaruddin dan Nordin Mamat (2002) menunjukkan bahawa kurangnya minat pelajar terhadap matapelajaran matematik itu berpunca daripada sikap mereka yang beranggapan matematik adalah matapelajaran yang sukar. Persepsi negatif ini menyebabkan mereka sukar untuk menerima dan memahami matapelajaran tersebut dan secara tidak langsung mereka akan berasa tidak seronok untuk menghadiri kelas, mempelajari dan berkemungkinan mereka lebih cenderung untuk ponteng kelas matematik. Kesannya, tahap minat mereka terhadap matematik semakin lama semakin berkurang. Sebaliknya, jika pelajar mempunyai sikap positif terhadap pembelajaran, ia mampu meningkatkan tahap minat seseorang dalam sesuatu yang dipelajari dan seterusnya akan meningkatkan pencapaian pelajar.

Menurut Ismaimuza (2010) di dalam kajiannya terhadap sikap pelajar di dalam berbagai matapelajaran termasuk Kimia menyatakan bahawa sikap positif siswa terhadap matematik merupakan komponen penting yang harus dimiliki oleh seorang pelajar. Sikap positif ini perlu untuk memperoleh prestasi belajar yang baik.

5.0 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian meliputi reka bentuk kajian, populasi dan pensampelan, instrumen kajian dan jenis analisis data yang digunakan. Business Mathematics mengandungi enam bab yang perlu dipelajari dalam masa empat belas minggu sesi pengkuliahan. Kursus ini ditawarkan kepada pelajar FPM pada trimester awal pengajian iaitu semester satu hingga tiga. Kurusus ini lebih menjurus ke arah pengiraan di mana ia sangat menekankan kepada konsep asas matematik yang diaplikasikan dalam perniagaan dan perbankan.

Pernilaian melalui peperiksaan akhir menyumbang sebanyak 50% markah keseluruhan dan 50% selebihnya adalah daripada kerja kursus dan ujian yang diberikan oleh pensyarah. Kesemua bab akan diuji semasa peperiksaan akhir. Antaranya ialah *Sequence, Discount and Commissions, Mark up and Mark Down, Simple Interest, Compound Interest, Annuity* dan *Depreciation*. Pelajar dikehendaki untuk menjawab lima soalan daripada enam soalan yang diberikan. Pencapaian pelajar di dalam kursus ini menjadi indikator atau pengukur bagi menentukan tahap kefahaman dan penguasaan pelajar.

Kaedah kajian ini adalah berbentuk deskriptif dan kuantitatif dengan menggunakan kaedah analisis dokumen berdasarkan keputusan peperiksaan akhir pelajar yang mengambil kursus ini. Populasi kajian ini adalah terdiri daripada pelajar semester tiga dan semester empat, Fakulti Pengurusan dan Muamalah, KUIS yang mengambil kursus *Business*

Mathematics pada sesi II, 2016/2017, sesi I, 2017/2018, sesi II, 2017/2018, sesi I, 2018/2019 dan sesi II, 2018/2019. Populasi kajian terdiri daripada 770 responden dan seramai 176 sampel dipilih berdasarkan pencapaian yang lemah bagi kursus *Business Mathematics* untuk lima semester yang lepas. Responden terdiri daripada empat program pengajian iaitu Diploma Perakaunan (MS31), Diploma Pengurusan Perniagaan (MS32), Diploma Perbankan Islam (MS33) dan Diploma Pengurusan Sumber Insan (MS34). Data yang diperolehi direkod dan dianalisis dengan menggunakan Microsoft Excel.

6.0 HASIL KAJIAN DAN DAPATAN

Seterusnya, berikut adalah hasil dapatan dan perbincangan yang dijalankan terhadap pencapaian pelajar dalam kursus *Business Mathematics* mengikut program pengajian bagi lima semester yang lepas.

Jadual 1 menunjukkan pengelasan markah dan gred yang digunakan di KUIS sebagai indikator untuk mengukur tahap pencapaian pelajar di dalam peperiksaan akhir bagi kursus *Business Mathematics*. Pengelasan gred dan markah terbahagi kepada empat iaitu cemerlang, amat baik, baik dan lulus (seperti Jadual 1). Oleh itu, di dalam kajian ini memfokuskan analisis dokumen terhadap pencapaian pelajar lemah yang memperoleh markah 0 hingga 49 untuk peperiksaan akhir bagi kursus *Business Mathematics* mengikut program pengajian yang berbeza.

Jadual 1.0: Pengelasan Markah dan Gred

Markah	Gred	Status
90-100	A+	Cemerlang
80-89	A	
75-79	A-	
70-74	B+	Amat Baik
65-69	B	
60-64	B-	Baik
55-59	C+	
50-54	C	
47-49	C-	Lulus
44-46	D+	
40-43	D	
0-39	F	Gagal

Sumber: Buku Peraturan Akademik Diploma dan Ijazah Sarjana Muda Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (Pindaan 2011).

Jadual 2 menunjukkan jumlah pelajar mengikut program pengajian bagi lima semester yang lepas bermula semester II, 2016/2017 sehingga semester II, 2018/2019. Pada semester II, 2018/2019, tiada pelajar yang mengambil kursus *Business Mathematics* bagi program MS31 (Diploma Perakaunan). Dapatan menunjukkan pelajar dari program pengajian MS34 menunjukkan pelajar yang paling ramai mengambil kursus *Business Mathematics* bagi setiap semester.

Jadual 2.0: Jumlah Pelajar yang Mengambil dan Menduduki Peperiksaan Akhir Mengikut Program Pengajian

Program Pengajian	Semester				
	II,2016/2017	I/2017/2018	II,2017/2018	I,2018/2019	II,2018/2019
MS31	17	55	2	28	0

MS32	17	54	3	62	26
MS33	34	72	16	56	17
MS34	69	87	36	85	34
Jumlah	137	268	57	231	77

Jadual 3 menunjukkan peratus status pencapaian (cemerlang, sederhana dan lemah) bagi lima semester lepas untuk lima program pengajian. Di dalam kajian ini, status pencapaian di dalam kursus ini dikelaskan sebagai cemerlang apabila pelajar yang memperolehi markah 75 hingga 100, manakala status pencapaian yang dikelaskan sebagai sederhana adalah pelajar yang memperolehi markah 50 hingga 74 markah. Pelajar yang memperoleh markah di antara 0 hingga 49 dikelaskan sebagai status lemah. Hasil dapatan ini adalah untuk menjawab objektif yang pertama kajian ini.

Peratus pencapaian cemerlang yang paling tinggi bagi setiap semester mengikut program pengajian adalah pelajar yang mengambil program MS31 (Diploma Perakaunan). Ini kerana, kursus yang ditawarkan oleh program MS31 banyak melibatkan pengiraan dan seterusnya ini menunjukkan pelajar MS31 mempunyai konsep asas pengiraan matematik yang kukuh. Justeru itu, peratus gagal bagi program ini adalah amat rendah bagi setiap semester berbanding program yang lain.

Berbeza pula dengan kursus yang ditawarkan oleh program MS32 (Diploma Pengurusan Perniagaan) dan MS34 (Diploma Pengurusan Sumber Insan) yang banyak melibatkan teori berbanding pengiraan di dalam pembelajaran. Kebanyakan pelajar yang mengambil program pengajian ini mendapat keputusan Matematik yang kurang cemerlang di dalam Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM). Pelajar tidak mempunyai konsep asas matematik yang kukuh serta tidak mahir dalam penggunaan formula dan menyebabkan pelajar tidak dapat mengaplikasikan dalam perniagaan dan perbankan. Justeru itu, peratus gagal bagi program ini adalah amat tinggi bagi setiap semester berbanding program yang lain. Oleh itu, pelajar perlu membuat lebih banyak latihan yang melibatkan pengiraan untuk memantapkan dan mengukuhkan lagi tahap kefahaman dan penguasaan di dalam kursus ini.

Jadual 3.0: Peratus Status Pencapaian Lima Semester Lepas Mengikut Program Pengajian

Status Pencapaian	Program Pengajian	Peratus Pencapaian dalam Kursus Business Mathematics, %		
		Cemerlang	Sederhana	Lemah
II, 2016/2017	MS31	47.1	47.1	5.9
	MS32	11.8	47.1	41.2
	MS33	26.5	47.1	26.5
	MS34	15.9	49.3	34.8
I, 2017/2018	MS31	58.2	38.2	3.6
	MS32	13.0	53.7	33.3
	MS33	29.2	51.4	19.4
	MS34	23.0	52.9	24.1
II, 2017/2018	MS31	0.0	100.0	0.0
	MS32	0.0	66.7	33.3
	MS33	43.8	37.5	18.8
	MS34	25.0	55.6	19.4
I, 2018/2019	MS31	60.7	39.3	0.0

	MS32	21.0	62.9	16.1
	MS33	42.9	51.8	5.4
	MS34	11.8	55.3	32.9
II, 2018/2019	MS31	-	-	-
	MS32	19.2	50.0	30.8
	MS33	17.7	52.9	29.4
	MS34	5.9	50.0	44.1

Analisis seterusnya adalah untuk mengenalpasti program pengajian yang mencatatkan peratus pencapaian yang lemah bagi lima semester yang lepas. Dalam kajian ini, lemah ditakrifkan sebagai pelajar yang memperolehi markah akhir iaitu hasil tambah markah kerja kursus dan markah peperiksaan akhir di antara 0 hingga 40 markah.


Jadual 4 menunjukkan jumlah pelajar yang memperoleh status pencapaian yang lemah di dalam kursus *Business Mathematics* mengikut program pengajian bagi lima semester yang lepas. Hasil daripada analisis dokumen didapati program pengajian MS34 (Diploma Pengurusan Sumber Insan) mencatatkan jumlah tertinggi yang memperoleh status lemah bagi lima semester yang lepas berbanding program yang lain.

Jadual 4.0: Jumlah pelajar yang dikelaskan sebagai lemah

Sesi	Program Pengajian				Jumlah
	MS31	MS32	MS33	MS34	
II, 2016/2017	1	7	9	24	41
I, 2017/2018	2	18	14	21	55
II, 2017/2018	0	1	3	7	11
I, 2018/2019	0	8	5	15	28
II, 2018/2019	0	10	3	28	41

Berdasarkan Rajah 1, kajian mendapati peratus pencapaian pelajar lemah yang tinggi bagi setiap semester adalah merupakan pelajar dari program MS34. Bagi semester II, 2016/2017, peratus pencapaian lemah adalah sebanyak 59% diikuti oleh program MS33 yang mencatatkan 22% dan program MS32 mencatatkan 17%. Bagi semester I, 2017/2018, peratus pencapaian lemah bagi program MS34 adalah sebanyak 38%, diikuti oleh program MS32 yang mencatatkan 33% dan program MS33 mencatatkan 25%. Bagi semester II, 2017/2018, peratus pencapaian lemah bagi program MS34 adalah sebanyak 64%, diikuti oleh program MS33 yang mencatatkan 27% dan program MS32 mencatatkan 9%. Bagi semester I, 2018/2019, peratus pencapaian lemah bagi MS34 adalah sebanyak 54% diikuti oleh program MS32 yang mencatatkan 28% dan program MS33 mencatatkan 18%. Bagi semester II, 2018/2019, peratus pencapaian lemah bagi program MS34 adalah sebanyak 68% diikuti oleh program MS32 yang mencatatkan 25% dan program MS33 mencatatkan 7%. Hal ini dapat dilihat peratus pencapaian lemah bagi program MS31 adalah amat rendah iaitu di antara 0 hingga 4% untuk lima semester yang lepas.

Rajah 1.0: Peratus Pencapaian Pelajar mengikut Program Pengajian bagi Lima Semester Lepas



Melalui pemerhatian tenaga pengajar, majoriti pelajar dari program MS34 mempunyai sikap yang negatif dan bersikap acuh tak acuh terhadap kursus *Business Mathematics* dan secara tidak langsung ia menjejaskan pencapaian pelajar. Berbeza pula dengan pelajar program MS31 yang sentiasa komited dalam pembelajaran seperti hadir ke kelas, menyiapkan tugas yang diberi dengan baik dan membuat individu konsultasi Bersama tenaga pengajar sekiranya tidak memahami tentang sesuatu yang dipelajarinya. Rahil (1995) pula menyatakan sikap ialah sebahagian daripada personaliti individu yang dipengaruhi oleh tingkah laku yang ada hubungan dengannya. Sikap manusia berbeza mengikut pengalaman dan mempunyai pengaruh penting kepada individu yang bertindak sebagai sebab dan akibat tingkah laku. Beliau juga menyatakan sikap positif terhadap pembelajaran akan meningkatkan pencapaian murid.

Hasil analisis mendapati pelajar dari program MS31 menunjukkan 0% pencapaian lemah bagi sesi II, 2017/2018 dan sesi I, 2018/2019. Manakala pada sesi II, 2018/2019, tiada pengambilan pelajar bagi program pengajian ini. Walaubagaimanapun, peratus lemah bagi program MS31 berada pada tahap yang sangat rendah dan ini menunjukkan bahawa pelajar mahir dengan konsep asas Matematik dan boleh mengaplikasikan di dalam kursus *Business Mathematics*.

Menurut Nurul Nashrah Salehudin et.al. (2015) dalam kajiannya menyatakan pemilihan strategi pengajaran dan pembelajaran Matematik yang sesuai amat penting untuk memaksimumkan pembelajaran murid, sekali gus menarik minat mereka mempelajari mata pelajaran tersebut. Guru-guru digalakkan menggunakan strategi yang boleh melibatkan murid secara aktif bagi menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Kesesuaian pembelajaran murid akan meningkatkan sikap dan persepsi kepada pembelajaran tersebut seterusnya akan meningkatkan kemahiran berfikir murid.

7.0 RUMUSAN DAN CADANGAN

Berdasarkan hasil dapatan, pelajar dari program Diploma Pengurusan Sumber Manusia (MS34) mencatatkan peratus pencapaian lemah yang paling tinggi bagi lima semester yang lepas dalam peperiksaan akhir bagi kursus *Business Mathematics*. Masalah ini perlu diatasi agar pelajar berupaya menunjukkan prestasi pencapaian yang baik sepanjang semester pembelajaran. Pelajar yang lemah ini kebiasaannya tidak mempunyai konsep asas matematik yang kukuh, tidak bersedia menjelang peperiksaan, kurang minat terhadap subjek yang

melibatkan pengiraan, kaedah pembelajaran yang kurang berkesan dianggap anantara punca menghalang kecemerlangan pelajar.

Oleh yang demikian, tindakan selanjutnya sewajarnya dijalankan oleh pensyarah dengan melihat kepada beberapa faktor yang lain iaitu pendekatan atau strategi pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan yang membantu pelajar dalam menguasai ilmu yang berkaitan dengan pengiraan. Ini kerana pemahaman konsep matematik dalam kursus ini amat penting agar ia boleh diaplikasikan dalam kehidupan seharian.

8.0 RUJUKAN

- Azura Hamdan, Rohany Nasir, Rozainee Khairudin dan Wan Shahrazad Wan Sulaiman (2015). Perbezaan Kecemerlangan Pelajar daripada Perspektif Pengurusan Masa, Keputusan Akademik Terdahulu dan Jantina. *Jurnal Psikologi Malaysia* 29 (1) (2015): 39-52 ISSN 2289-8174
- Baharudin Omar, Kamarulzaman Kamaruddin dan Nordin Mamat (2002). Faktor Kecemerlangan dan Kemunduran Pelajar di Sekolah Menengah dalam Matematik: Satu Tinjauan Universiti Pendidikan Sultan Idris. International Association for the Evaluation Educational Achievement (IEA). (2008). TIMSS 2007 International Mathematics and Science Reports.
- Bridgeman, B., McCamley-Jenkins, L., & Ervin, N. (2000). Predictions of Freshman Grade-Point Average from the Revised and Recentred SAT I: Reasoning Test. New York: College Entrance Examination Board.
- Ditchkoff, S.S., Laband, D.N. & Hanby, K. (2003). Academic Performance of Transfer versus "Native Students in a Wildlife Society Bulletin, 31(4): 1021-1026.
- Dr. Abdul Said Ambotang dan Rosmidha Mista (2017). Faktor Penyumbang terhadap Pencapaian Matematik Murid Luar Bandar: Minda Pendidik. eprints.ums.edu.my
- Garton, B. L., Ball, A. L., & Dyer, J. E. (2002). The Academic Performance and Retention of College of Agriculture Students. *Journal of Agricultural Education*, 43(1): 46-56.
- Ismaimuza, D. (2010). Pengaruh pembelajaran berbasis masalah dengan strategi konflik kognitif terhadap Kemampuan berpikir kritis matematis dan sikap siswa SMP. *Jurnal pendidikan matematika volume 4.no.1*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2013). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2015. KPM, Kuala Lumpur.
- Kim, E., Newton, F. B., Downey, R. G. & Benton, S.L. (2010). Personal Factors Impacting College Student Success: Constructing College Learning Effective Inventory (CLEI). *College Student Journal*, 44(1): 112-125.
- Nik Azis, N. P. (2008). Isu-Isu Kritis dalam Pendidikan Matematik (1st ed.). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Nurul Nashrah Salehudin, Noor Hasimah Hassan dan Nur Aida Abd Hamid (2015). Matematik dan Kemahiran Abad ke-21: Perspektif Pelajar. *Jurnal Pendidikan Matematik*, 3 (1), 24-36 (2015) ISSN: 2231-9425.
- Quek, M. L. (2006). Pengaruh Rakan Sebaya dengan Pencapaian Matematik di Kalangan Pelajar Tingkatan 4 di Daerah Batu Pahat. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia.
- Rahil, M. (1995). Psikologi Pembelajaran. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syaza Mohd Sabri, Sharini Che Ishak & Asmawati Suhid (2014). Kajian Minat dan Motivasi Murid terhadap Pengajaran Pendidikan Islam. *Seminar Pasca Siswazah dquekalam Pendidikan*.

Zulzana Zulkarnain, Mohamed Saim dan Roslina Abd Talib (2012). Hubungan antara Minat, Sikap dengan Pencapaian Pelajar dalam Kursus CC301 – Quantity Measurement. Politeknik Port Dickson.